

PARAMETER SYARIAH UNTUK WAKAF TUNAI

Muhd Ramadhan Fitri Elias*, Ahmad Firdaus Kadir & Muhamad Nasir Haron **

1.0 MUKADIMAH

Amalan wakaf sudah bermula sejak zaman Rasulullah, ini dapat dilihat di mana baginda sendiri sentiasa menyumbangkan harta hasil perperangan milik baginda dalam pelbagai bentuk kebajikan. Antara contoh wakaf yang pernah dipraktikkan oleh para sahabat adalah wakaf Saidina Umar di tanah Khaibar dan wakaf Saidina Utman yang menyumbangkan telaga *Roma* untuk kegunaan bersama. Kegiatan wakaf merupakan menjadi sebuah budaya di kalangan para sahabat seperti mana diriwayatkan dalam *Ahkam Al-Awqaf dari Jabir Bin Abdullah*; "*Aku dapati tiada dikalangan para sahabat yang mempunyai kemampuan di kalangan Muhajirin dan Ansar kecuali akan mereka mewakafkan harta mereka dengan tidak boleh dijual, dihibah dan diwaris kepada orang lain*".¹

Institusi wakaf terus berkembang pesat di era ketamadunan Islam dan juga merupakan sumber utama pendapatan negara yang digunakan untuk membiayai pelbagai aktiviti kemasyarakatan terutamanya dalam bidang pendidikan dan kesihatan. Ini dapat dilihat sebagaimana pada awal kurun ke-12 di mana dana wakaf digunakan untuk membiayai lebih kurang 64 sekolah yang berada di sekitar al-Quds, Palestin, Turki dan Syria. Sumbangan wakaf juga bahkan membiayai kebanyakan universiti dan pusat pendidikan terulung dalam dunia Islam seperti Universiti Al-Azhar di Kaherah, Mesir serta Madrasah Nizamiyyah dan Madrasah Mustansariyah yang cukup terkenal di Baghdad, Iraq.

Dalam konteks zaman semasa, kita perlu melihat peranan sistem wakaf adalah penting dalam penjanaan ekonomi ummat Islam. Sekiranya sistem wakaf dapat digunakan secara meluas dan dikomersialkan, ini sekaligus boleh mengoptimumkan hasil wakaf yang boleh dinikmati oleh penerima manfaat wakaf dan juga membangunkan ekonomi ummat Islam.

2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Kertas kerja ini bertujuan untuk melihat sudut pandang Syariah dalam isu-isu yang melibatkan pelaksanaan Wakaf tunai dan sejauh mana Syariah membenarkan penggunaan Wakaf tunai. Tidak dinafikan bahawa telah wujud resolusi-resolusi Syariah semasa yang membenarkan praktis Wakaf

* Naib Presiden Eksekutif dan Ketua Bahagian Pengurusan Syariah di Maybank Islamic Berhad.

** Penyelidik Syariah di Bahagian Pengurusan Syariah, Maybank Islamic Berhad.

¹ Al-Al-Khasaf, Abu Bakr Ahmad Umar As-Syaibani, *Ahkam al-Awqaf* dan At-Torifi, Abdul Aziz bin Marzuq, *At-Tahjil Fi Takhrij Ma Lam Yukharraj Fi Irwa' Al-Ghalil*, h15.

tunai, namun sehingga kini tiada garis panduan Syariah secara khusus diwujudkan bagi mengawasi pelaksanaan praktis Wakaf tunai.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif-objektif utama kertas kajian ini:

- i. Untuk mengkaji sejauh mana pelaksanaan Wakaf tunai dibenarkan dari perspektif Syariah.
- ii. Untuk membincangkan isu-isu Syariah yang timbul daripada pelaksanaan Wakaf tunai.
- iii. Untuk mencadangkan satu garis panduan Syariah dalam mengawasi pelaksanaan Wakaf tunai.

4.0 PENGENALAN KONSEP WAKAF

4.1 Definisi Wakaf

Dari sudut bahasa, perkataan *wakaf* merujuk kepada maksud pengekalan bentuk asal dan tidak berubah-ubah.² Manakala dari sudut istilah pula, terdapat pelbagai definisi wakaf yang diutarakan oleh fuqaha dan sarjana Islam. Menurut fuqaha Hanafi³, wakaf bermaksud pengekalan bentuk asal sesuatu aset yang diperolehi dari pihak yang lain. Fuqaha Maliki⁴ pula mendefinisikan wakaf sebagai pemberian manfaat sesuatu aset dengan kewujudan aset tersebut dan pemilikan aset kekal di bawah wakif. Manakala menurut fuqaha Syafi'e⁵, wakaf bermaksud pengekalan sesuatu aset yang boleh dimanfaatkan dan fizikal asal sesuatu aset hendaklah dikekalkan untuk tujuan pemberian yang mengikut Syarak kepada penerima manfaat wakaf tertentu. Mengikut fuqaha Hanbali⁶ pula, wakaf merujuk kepada pengekalan bentuk asal aset wakaf dan penyebaran manfaatnya.

Secara kesimpulannya, berdasarkan kepada definisi-definisi yang diutarakan di atas, beberapa mazhab berbeza pendapat pada syarat sesuatu aset wakaf tersebut. Namun, mereka bersepakat bahawa dua elemen penting yang perlu ada dalam wakaf adalah pengekalan bentuk asal aset wakaf dan penyebaran manfaatnya kepada penerima manfaat wakaf.

Dalam konteks semasa pula, definisi yang menyeluruh dan komprehensif mengenai wakaf boleh diambil daripada Majlis Penasihat Syariah bagi Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institute (“AAOIFI”) yang mendefinisikan wakaf seperti yang berikut:

² Ibn Manzur, Lisan al-Arab, madah : وَقْتٌ

³ Al-Giyatabi, Abu Muhammad Mahmud Ibn Ahmad (2000), *Al-Binayah Syarh Al-Hidayah*, Beirut Lubnan, Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah, j.7, h.422.

⁴ At-Thoroblati, Syamsuddin Abu Abdullah Muhammad Ibn Muhammad, (1992) *Mawahib Al-Jalil Fi Syarh Mukhtasar Al-Khalil*, Beirut Lubnan, Dar Al-Fikr, j. 6, h.18.

⁵ Al-Ramli, Syamsuddin Muhammad Ibn Abi 'Abbas, (1984), *Nihayah Al-Muhtaj*, Beirut Lubnan, Dar Al-Fikr, j. 5 , h. 358.

⁶ Ibn Qudamah, Muwaffiq Ad-Din Abdullah Ibn Ahmad, *Al-Mughni*, Dar Al-Hadith,j.3, h.234.

"Membuat sesuatu harta yang bebas daripada apa-apalah pelupusan yang boleh membawa kepada pemindahan pemilikan dan menderma manfaat harta wakaf tersebut kepada penerima manfaat wakaf."⁷

4.2 Hukum Wakaf dari Perspektif Shariah

Secara umumnya, fuqaha bersepakat tentang keharusan berwakaf. Terdapat beberapa dalil dari Quran dan Sunnah tentang keharusan amalan wakaf ini seperti berikut:

a) Ayat al- Quran

"مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلٍ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَبْعَ بَلِّهٖ مَّئُونَةً حَبَّةً وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِمْ"

Bandingan (infak) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya.⁸

b) Sunnah

Terdapat banyak riwayat yang menggalakkan amalan wakaf dalam hadis Rasulullah SAW. Salah satu contoh ialah tentang wakaf Saidina Umar di Khaibar seperti yang diterangkan dalam hadith yang berikut:

"حدثنا مسدد حدثنا يزيد بن زريع حدثنا ابن عون عن نافع عن ابن عمر رضي الله عنهما قال أصاب عمر بخیر أرضا فأتى النبي صلى الله عليه وسلم فقال أصبت أرضا لم أصب مالا قط أنفس منه فكيف تأمرني به قال إن شئت حبست أصلها وتصدقت بها فتصدق عمر أنه لا يباع أصلها ولا يوهب ولا يورث في القراء والقري والرقاب وفي سبيل الله والضيوف وابن السبيل لا جناح على من ولد بها أن يأكل منها بالمعروف أو يطعم صديقا غير متمويل فيه"

Dilaporkan oleh Nafi` (ra) dan Ibn Umar (ra) berkata: Saidina Umar telah diberikan sebidang tanah di Khaibar, beliau kemudian datang kepada Nabi saw dan berkata: "Saya telah diberikan dengan sebidang tanah (di Khaibar) yang merupakan kekayaan yang paling berharga bagi saya. Apakah arahan kamu untuk saya? "Nabi menjawab," Sekiranya kamu mahu, peliharalah asalnya,

⁷ AAOIFI Standard, 2010, Standard 33, item 2/1, h.571.

⁸ Al-Baqarah: ayat 261.

*dan sedekahlah dengan manfaatnya. "Beliau (Saidina Umar) akan mendermakan (wakaf) tanah itu dengan syarat ia tidak boleh dijual, tidak boleh hibah kepada orang lain dan tidak boleh diwarisi. Tanah itu akan digunakan oleh miskin, kaum kerabatnya, hamba-hamba, fi sabilillah, tetamu dan musafir. Ia sepatutnya tidak menjadi masalah bagi orang-orang yang mentadbir harta wakaf tersebut dan menguruskan tanah (aset wakaf) untuk mengambil gaji yang munasabah daripada aset wakaf atau berfungsi rakan / beliau dengan pengendalian membuat keuntungan lebih kepada wakaf."*⁹

c) Athar

Dilaporkan oleh Jabir dan berkata; "Aku dapati tiada dikalangan para sahabat yang mempunyai kemampuan di kalangan Muhajirin dan Ansar kecuali akan mereka mewakafkan harta mereka dengan tidak boleh dijual, dihibah dan diwaris kepada orang lain".¹⁰

d) Ijma'

Majoriti fuqaha telah bersepakat bahawa keharusan wakaf adalah diterima secara *ijma'*. Ini dirakamkan antaranya oleh Imam Ibnu Qudamah¹¹ dan Ibnu Hajar Al-'Asqalani¹² di dalam karya mereka, seperti mana juga dirakam oleh para fuqaha' yang lain.¹³

5.0 ISU-ISU SHARIAH BERKAITAN DENGAN APLIKASI WAKAF TUNAI

Kertas kajian ini akan membincangkan beberapa isu-isu Shariah dalam Wakaf tunai seperti berikut;

- i. Konsep Wakaf tunai dari Perspektif Islam.
- ii. Hukum Penggunaan Wang Tunai sebagai aset Wakaf
- iii. Hukum Penggunaan Wakaf Tunai sebagai saluran bantuan pembelajaran dan Pembiayaan Mikro.
- iv. Hukum Pelaburan Wakaf Tunai dari perspektif Islam
- v. Hukum Penentuan Kos Pengurusan Wakaf dari perspektif Islam

⁹ Al-Bukhari, *Sahih Bukhari*, hadith no. 2620.

¹⁰ Al-Al-Khasaf, Abu Bakr Ahmad Umar As-Syaibani, *Ahkam al-Awqaf*, Kaherah: Maktabah Thaqafah Diniyyah, h.6.

¹¹ Ibnu Qudamah, Abu Muhammad 'Abdullah,(1992), *Mughni*, Kaherah, Dar Hadr j. 8, h. 186.

¹² Ibnu Hajar Al-Asqalani,Syihabuddin Ahmad Ibn Ali, *Fathul Bari*,Beirut, Dar Al-Fikr Al-'Arabi, j.5, h.402.

¹³ Ibnu 'Abidin ,Muhammad Amin bin Umar , Rad Al-Muhtar 'Ala Dur Al-Muhtar,Ihya' Turath j.3, h. 359 ; Al-Harsyi, *Syarh Mukhtasar Al-Khalil*, Dar As-Sadir j.7 , h. 79; Ash-Sharbini, Muhammad Ibn Ahmad Al-Khatib, *Mughni Al-Muhtaj*, Beirut,Dar Al-Fikr , j. 2, h.377.

5.1 KONSEP WAKAF TUNAI DARI PERSPEKTIF ISLAM

Isu Wakaf tunai telah dibincangkan oleh para fuqaha terdahulu dan imuan kontemporari. Fuqaha mempunyai pendapat yang berbeza sama ada konsep Wakaf tunai dibenarkan atau dilarang oleh Syarak. Dalam menelusuri perbincangan Wakaf tunai, adalah perlu difahami bahawa ia adalah berkait rapat dengan perbincangan aset wakaf sama ada tunai (wang) boleh dianggap sebagai aset wakaf atau sebaliknya. Justeru, untuk mendalami isu Wakaf tunai, maka menjadi satu keperluan untuk memahami kategori-kategori aset yang layak menjadi aset wakaf. Secara umum, fuqaha telah mengkategorikan aset wakaf kepada dua kategori iaitu:

- (i) Aset Kekal (*Iqar*): contohnya seperti tanah, bangunan, hartanah
- (ii) Aset Mudah Alih (*Manqul*): contohnya seperti kenderaan, senjata

5.1.1 Pandangan Syariah Berkenaan Hukum Wakaf Aset Kekal('Iqar)

Semua fuqaha kecuali Qadi Syuraih berpandangan bahawa wakaf aset berbentuk kekal (*iqar*) seperti tanah, bangunan, kediaman dan seumpamanya adalah dibenarkan dalam Islam.¹⁴

5.1.2 Pandangan Syariah Berkenaan Hukum Wakaf Aset Mudah Alih

Fuqaha berbeza pendapat dalam isu hukum mewakafkan aset mudah alih. Aset mudah alih boleh dikategorikan kepada dua kategori seperti berikut:

Kategori 1: *Aset mudah alih yang mempunyai ciri fizikal yang tahan lama dan tidak rosak walaupun selepas digunakan seperti alat senjata, kuda dan lain-lain. Dalam kategori ini, fuqaha berbeza pandangan sama ada ia dibenarkan oleh Syarak seperti berikut:*

- 1) Majoriti fuqaha daripada Mazhab Maliki, Syafiie dan Hanbali berpandangan bahawa adalah dibenarkan untuk mewakafkan semua jenis aset mudah alih yang tahan lama dan tidak mudah rosak.¹⁵
- 2) Dalam Mazhab Hanafi, terdapat 3 pandangan berkenaan dengan hukum mewakaf aset mudah alih.
 - a) Imam Abu Hanifah berpendapat bahawa adalah tidak harus untuk mewakafkan semua jenis aset mudah alih (*manqul*) dan wakaf hanya dibolehkan ke atas aset yang kekal (*'iqar*) kerana syarat utama wakaf mestilah bersifat kekal secara semula jadi.¹⁶

¹⁴Al-Syafie, Imam Muhammad Ibn Idris, *Al-Umm*, Dar Al-Ma'rifah, j. 4, h. 60.

¹⁵ Ad-Dusuki, Muhamamid Ibn Ahmad Ibn Irfah, *Hasyiah Ala Syarh Al-Kabir*, Dar Al-Fikr j.4 h.77. As-Syirazi, Abu Ishaq Ibrahim Ibn Ali, *Al-Muhazzab*, Dar Al-Qalam j.3 h.672. Al-Bahuti, Mansur Ibn Yuunus Ibn Idris, *Syarh Muntaha Al-Iradat*, Dar Al-Fikr, j.2 , h.491.

¹⁶ Al-Kasani, Abu Bakr Ibn Mas'ud, (1986), *Badaie' As-Sona'ie fi Tartib As-Syara'ie*, Beirut, Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah, j. 6, h. 220.

وَأَمَّا الَّذِي يَرْجُعُ إِلَى الْمَوْقُوفِ فَأَنْوَاعٌ: (مِنْهَا) أَنْ يَكُونَ مِمَّا لَا يُنْقَلُ وَلَا يُحْوَلُ كَالْعَقَارِ وَالْحُوَدِ، فَلَا يَجُوزُ وَقْفُ الْمَنْقُولِ
مَفْصُودًا لِمَا ذَكَرْنَا أَنَّ التَّأْبِيدَ شَرْطُ حَوَازِهِ، وَوَقْفُ الْمَمْفُولِ لَا يَتَأْبَدُ لِكُونِهِ عَلَى شَرِفِ الْمَلَكِ، فَلَا يَجُوزُ وَقْفُهُ مَفْصُودًا
إِلَّا إِذَا كَانَ تَبَعًا لِلْعَقَارِ

“Adapun ada beberapa syarat bagi harta wakaf: Antaranya adalah yang tidak boleh dipindah alih dan ditukar ganti seperti hartanah dan sebagainya. Maka tidak harus wakaf bagi harta yang mudah alih (*manqul*) seperti yang dimaksudkan oleh kami kerana sifat kekal adalah syarat utama bagi wakaf sedangkan harta manqul tidak mempunyai sifat kekal kerana ia senang rosak. Oleh kerana itu, maka tidak harus berwakaf dengan harta manqul kecuali ia digunakan untuk hartanah yang diwakafkan (menyokongnya).¹⁷

b) Qadhi Abu Yusuf berpandangan bahawa keharusan berwakaf aset mudah alih hanyalah terhad kepada aset peperangan yang digunakan dalam fi sabilillah seperti senjata, perisai, kuda dan seumpamanya.¹⁸ Mereka bersandarkan kepada hadith di bawah;

وَأَمَّا خَالِدٌ فَإِنَّكُمْ تَظْلِمُونَ خَالِدًا قَدْ احْتَبَسَ أَدْرَاعَهُ وَأَعْتَادَهُ فِي سَبِيلِ اللهِ

"Kamu telah berlaku tidak adil kepada Khalid al-Walid (dengan mengatakan beliau tidak menunaikan zakat), sedangkan beliau telah mewakafkan perisai dan senjatanya pada jalan Allah".¹⁹

c) Pendapat Muhammad bin Hassan merupakan yang paling fleksibel dalam Mazhab Hanafi, di mana beliau berpandangan bahawa adalah dibenarkan untuk wakaf apa-apa aset mudah alih yang diiktiraf oleh ‘uruf dan diamalkan oleh penduduk di masa itu. Kemudian pandangan ini dianggap sebagai pendapat keutamaan dalam Mazhab Hanafi.

Pendapat ini diulas oleh Imam Al-Musili di dalam kitab Al-Ikhtiyar seperti berikut:

وَعَنْ مُحَمَّدٍ حَوَازُ وَقْفٌ مَا جَرَى فِيهِ التَّعَامُلُ كَالْفَلَاسِ وَالْقُدُومِ وَالْمُنْشَارِ وَالْقُدُورِ وَالْجِنَازَةِ وَالْمَصَاحِفِ وَالْكُتُبِ، بِخَلَافِ
مَا لَا تَعَامِلُ فِيهِ، وَالْفَتَوْيَ عَلَى قَوْلِ مُحَمَّدٍ

Menurut Muhammad (Ibn Hassan), adalah diharuskan untuk mewakafkan mana-mana harta yang diterima pakai oleh adat seperti kapak, tukul besi, gergaji, periuk, mashaf dan juga buku. Namun

¹⁷ Ibid.

¹⁸ Ibid.

¹⁹ Sahih Muslim, Kitab Az-Zakah, hadith no. 983.

begitu, sebarang aset yang tidak diiktiraf oleh uruf setempat tidak boleh dijadikan sebagai harta wakaf. Fatwa rasmi (bagi mazhab Hanafi) mengambil pendapat Muhammad (Ibn Hassan).²⁰

Kategori Kedua: *Aset mudah alih yang mempunyai ciri fizikal yang tidak tahan lama dan mudah rosak selepas digunakan seperti makanan, sayur-sayuran dan lain-lain. Dalam kategori ini, fuqaha berbeza pendapat sama ada ia dibenarkan oleh Syarak*

- 1) Sebahagian fuqaha dari Hanafiah, Syafiyyah dan Hanabilah membenarkan wakaf aset manqul yang mempunyai unsur yang tidak tahan lama dan mudah rosak dengan syarat ia digunakan dengan cara yang mampu mengekalkan aset yang diwakaf. Ini kerana syarat utama wakaf adalah fizikal asset mestilah kekal dan tidak rosak. Walau bagaimanapun, sekiranya aset yang mudah rosak itu tidak boleh mengekalkan fizikalnya, maka ia tidak diwakafkan. Ini kerana ia tidak dapat memenuhi keperluan utama wakaf iaitu fizikal aset yang kekal.
- 2) Beberapa fuqaha dari Mazhab Maliki termasuk Imam Al-'Auzaie mempunyai pendapat yang berbeza dari jumhur fuqaha, di mana mereka membenarkan wakaf aset yang mudah rosak seperti makanan. Hujah untuk keharusan ini adalah kerana mereka tidak mengiktiraf elemen kekal pada wakaf aset sebagai keperluan utama untuk wakaf.²¹

5.1.3 Analisa Pandangan Syariah dan kaitannya dengan Aplikasi Wakaf Tunai

Berdasarkan pendapat fuqaha mengenai keharusan wakaf bagi aset kekal, kita boleh menyimpulkan bahawa hampir Ijmak para ulama bersetuju tentang keharusan wakaf bagi asset kekal ('iqar). Walau bagaimanapun, fuqaha telah berbeza pandangan mereka mengenai isu wakaf aset mudah alih (*manqul*) yang boleh diklasifikasikan kepada dua kategori iaitu aset yang boleh dipelihara fizikalnya selepas digunakan seperti contoh senjata dan aset yang tidak boleh dipelihara fizikalnya selepas digunakan seperti contoh makanan. Majoriti fuqaha mengharuskan kategori pertama dan tidak mengharuskan kategori kedua. Walau bagaimanapun, Imam Al-Auzaie dan sebahagian fuqaha' mazhab Maliki membenarkan jenis kedua seperti makanan untuk diwakafkan.

Berdasarkan analisa pandangan-pandangan fuqaha yang diutarakan, kesimpulan yang boleh dirumus adalah punca perbezaan pandangan para fuqaha' adalah pada menentukan sama ada elemen kekal merupakan syarat sah bagi harta wakaf ataupun tidak. Bagi para fuqaha' yang menetapkan bahawa syarat kekal mesti dipenuhi oleh harta wakaf dan ini merupakan pendapat majoriti berbeza pendapat apakah harta yang memenuhi syarat sah ini.

²⁰ Al-Musili, Abdullah Ibn Mahmud, (1937) *Al-Ikhtiyar Li Ta'lil Al-Mukhtar*, Cairo, Matba'ah Al-Halabi,j.3 h.43.

²¹ Al-Dusuki, Muhammad Ibn Ahmad Ibn 'Arfah, *Hasyiah Ad-Dusuki 'Ala Syarh Al-Kabir*, Dar Al-Fikr, j. 4 h. 76.

Berdasarkan pemerhati pihak kami adalah lebih cenderung kepada pengharusan wakaf tunai dengan syarat wang yang diwakafkan diuruskan dengan cara yang boleh memelihara sifat kekalnya. Ini boleh dilakukan dengan melaburkan wang itu kepada projek pembinaan atau menggunakan wang tunai untuk pembelian sebarang aset kekal atau boleh digunakan untuk pemberian Qardh. Kami memilih pendapat di atas walaupun ada pandangan yang tidak mensyaratkan sifat kekal sebagai syarat sah harta wakaf, kerana ia menyebabkan kita tidak dapat melihat perbezaan wakaf dengan kontrak-kontrakkebajikan (*tabarru'at*) yang lain seperti *hibah* (hadiah) dan *Ibra* '(rebat).

5.1.4 Keharusan Konsep Wakaf Tunai dari Perspektif Syariah

Dalam membincangkan isu keharusan mewakafkan tunai, kami merujuk kepada pendapat fuqaha mengenai keharusan mewakafkan dinar atau dirham. Berikut adalah pandangan fuqaha berkenaan dengan isu wakaf dinar dan dirham (konteks semasa wang tunai);

- 1) Menurut Mazhab Syafie, keharusan wakaf tunai bergantung kepada hukum keharusan menyewakan Dinar dan Dirham (*Ijarah Al-Nuqud*). Sebahagian fuqaha Mazhab Syafiie yang membenarkan penyewaan dinar dan dirham berpendapat bahawa ia juga dibenarkan untuk tujuan wakaf. Manakala, bagi sebahagian fuqaha Mazhab Syafiie yang tidak membenarkan sewaan dinar dan dirham akan menganggap wakaf dinar dan dirham adalah tidak dibenarkan.

وأختلف أصحابنا في الدرارهم والدنانير فمن أجاز إجارتها أجاز وقفها ومن لم يجز إجارتها لم يجز وقفها

"Para fuqaha Mazhab Syafi'iie mempunyai perbezaan mengenai isu Dirham dan Dinar (dianggap sebagai wakaf). Mereka yang membolehkan sewaan Dinar dan Dirham membenarkannya untuk tujuan wakaf dan mereka yang tidak membenarkan sewaan dinar dan dirham berpandangan bahawa dinar dan dirham adalah tidak dibenarkan untuk wakaf".²²

Walau bagaimanapun, sekiranya dinar atau dirham dalam bentuk barang kemas perhiasan (*Hulli*), maka dibenarkan kerana ia merupakan bentuk harta kekal yang boleh diwakafkan. Wakaf perhiasan ini bertepatan dengan sebuah riwayat yang dilaporkan oleh Nafi' bahawa Hafsah telah membeli barang kemas yang berharga 20 ribu dinar kemudian diwakafkan untuk penggunaan oleh kaum wanita dari keluarga Al-Khattab.²³

- 2) Fuqaha mazhab Maliki mempunyai sudut pandangan yang berbeza apabila membenarkan wakaf tunai kerana sifat kekal tidak dikira sebagai syarat sah bagi sesuatu harta wakaf. Mereka juga membolehkan wakaf untuk beberapa tempoh tertentu sebelum aset kembali kepada pemilikan

²² Al-Shirazi, Abu Ishaq Ibrahim, (1996) Al-Muhazzab, Damsyik, Dar Al-Qalm, j. 3, h.673.

²³ Irwa' Al-Ghalil fi Takhrij Ahadith Manar As-Sabil, no. 1588, Al Wuquf lil Al-Khallal, no. 502.

waqif. Dalam Hasyiah Ad-Dusuki, dilaporkan bahawa terdapat seribu *awqiah*²⁴ diwakafkan di istana Fas untuk tujuan pemberian *qardh*.²⁵ Tambahan pula, mereka juga membenarkan makanan dianggap sebagai aset wakaf.²⁶

Pandangan ini dinyatakan oleh Imam Ad-Dusuki di dalam Hasyiah:

(وَإِنْ) كَانَ الْمُلْكُ الْمَدْلُولُ عَلَيْهِ بِمَمْلُوكٍ (بِأُجْرٍ) كَدَارٍ اسْتَأْجَرَهَا مُدَّةً مَعْلُومَةً فَلَهُ وَقْفٌ مَنْفَعَتُهَا فِي تِلْكَ الْمُدَّةِ
وَبِنَقْضِي الْوَقْفِ بِانْقِضَائِهَا؛ لِأَنَّهُ لَا يُشْرِطُ فِيهِ التَّأْيِيدُ كَمَا سَيَّأَتِي

"Jika pemilikan terhasil dari sewaan (*Milkul Manfaah*) seperti rumah yang disewa bagi tempoh tertentu, maka dibenarkan bagi manfaat harta itu untuk diwakafkan sepanjang tempoh tersebut. Wakaf itu tamat setelah tamat tempoh sewaan. Keharusan ini kerana sifat kekal tidak menjadi syarat sah bagi harta wakaf seperti apa yang akan diterangkan selanjutnya".²⁷

3) Salah satu pendapat mazhab Hanafi yang didokong oleh Muhammad Ibnu Hasan dan Zufar, wakaf tunai adalah diharuskan jika ianya diterima oleh uruf masyarakat. Kaedah umum yang membenarkan mana-mana harta kekal yang diakui oleh amalan adat masyarakat untuk diwakafkan merupakan asas untuk beberapa Fuqaha mazhab Hanafi terutama dalam zaman Uthmaniyyah membenarkan amalan Wakaf Al-Nuqud (wakaf tunai). Mereka juga membenarkan wakaf tunai kerana ia boleh dipelihara nilai asal wang tunai dengan cara pemberian Qardh atau pelaburan.

Imam Abu Saud Al-Afendi menyatakan:

لأن رد المثل قائم مقام رد العين حكما

"Dari sudut hukum, membayar semua jumlah wang tunai itu sama seperti memulangkan tunai yang asal"²⁸

5.2 Hukum Penggunaan Wang Tunai sebagai aset Wakaf

Persoalan yang timbul daripada perbincangan wakaf tunai adalah sama ada wang tunai yang dianggap sebagai aset wakaf atau aset yang dibeli oleh wang tunai tersebut dianggap aset wakaf. Seperti contoh wang tunai yang diwakafkan akan dilaburkan dengan pembelian saham ataupun ditukarkan kepada aset kekal seperti hartanah. Dalam konteks ini, adakah wang tunai yang

²⁴ Merujuk kepada nilai sukatan berat: satu *awqiah* bersamaan dengan nilai berat 29.75 gram.

²⁵ Ad-Dusuki, Muhammad Ibni Ahmad Ibni 'Arfa, Hasyiah Ad-Dusuki 'Ala Syarh Al-Kabir, Dar Al-Fikr, j. 4, h.77.

²⁶ Ibid.

²⁷ Ibid,h.76.

²⁸ Al-Afandi, Abu As-Saud Muhammad Ibni Muhammad Ibni Mustafa, (1997) *Risalah Fi Jawaz Waqf Al-Nuqud*, Beirut, Dar Ibn Hazzam , h.74.

diwakafkan itu akan dikira sebagai harta wakaf atau sebenarnya saham atau hartanah yang dibeli kemudian yang diiktiraf sebagai harta wakaf?

5.2.1 Analisa Syariah tentang Status Wang Tunai Sebagai Harta Wakaf

Berkenaan isu ini, setakat pengetahuan terhad pengkaji tiada perbincangan khusus dibuat oleh fuqaha bagi menentukan samada wang tunai atau aset yang dibeli daripadanya dikira sebagai harta wakaf. Namun, sekiranya kita meneliti perbincangan oleh para *fuqaha'*, kita dapat menyimpulkan bahawa perbincangan *fuqaha'* terdahulu adalah tentang keharusan atau ketidak absahan dinar atau dirham sebagai harta wakaf adalah merujuk kepada wang itu sendiri bukan mana-mana aset yang akan dibeli kemudiannya. Oleh kerana itu, majoriti fuqaha Mazhab Syafiie dan fuqaha Mazhab Hanbali tidak membenarkan wakaf dinar dan dirham (kini merujuk kepada wang tunai) kerana sifat harta itu yang tidak kekal.

Manakala, badan fatwa semasa seperti Akademi Fiqh Antarabangsa (Majma' Fiqh Islami) ketika mengharuskan wakaf tunai pada mesyuaratnya yang ke 15 pada 2004 juga secara jelas menyifatkan bahawa jumlah wang yang diwakafkan itu sendiri dianggap sebagai harta wakaf. Di dalam resolusi yang ke-140 tersebut jelas menyatakan bahawa seandainya wakaf tunai itu dilaburkan dalam harta kekal seperti jika Nazir membeli dengannya sebarang hartanah atau wakaf tunai itu dijadikan modal bagi sektor pembinaan, maka aset yang dibeli atau dibina itu tidak akan dianggap sebagai harta wakaf sebaliknya wang tunai tersebut tetap dikira sebagai harta wakaf. Di dalam resolusi tersebut, tiada syarat yang menetapkan agar wang tunai tersebut mesti mematuhi syarat *Istibdal* ketika dicairkan seperti mana syarat yang diputuskan bagi wakaf saham dalam keputusan mesyuarat yang ke-19 berkaitan dengan wakaf saham. Bagi wakaf saham, penyelia wakaf (Nazir) tidak boleh memperdagangkan saham tersebut kecuali jika disyaratkan oleh pewakaf sendiri dan wajib patuh kepada undang-undang *Istibdal* kerana saham itu dikira sebagai harta wakaf.²⁹

Menurut pendapat di atas, seandainya pewakaf membeli mana-mana aset dari tunai yang diwakafkan, aset tersebut boleh dicairkan bila perlu dengan syarat jualan aset tersebut mestilah memelihara jumlah asal tunai yang diwakafkan. Resolusi di atas adalah bertepatan dengan pendapat sebahagian fuqaha' Hanafi yang membenarkan wakaf tunai bagi tujuan pemberian Qardh atau pelaburan. Pendapat ini dikeluarkan kerana mereka memandang bahawa wang itu sendiri boleh diiktiraf sebagai harta wakaf dengan syarat ia mesti digunakan dengan tatacara yang mengekalkan jumlah asal wang yang diwakafkan. Walaubagaimanapun, praktis ini adalah tidak selari dengan beberapa keputusan Majlis Fatwa Negeri seperti Terengganu dan Selangor. Majlis Fatwa Negeri Selangor contohnya secara jelas mensyaratkan bahawa hasil daripada wang Skim Saham Wakaf Selangor hendaklah dibelanjakan bagi tujuan pembelian aset kekal. Majlis Fatwa

²⁹ Majma' Fiqh Al-Islami, Resolusi no. 181, mesyuarat ke-19 pada tahun 2009.

Terengganu pula dalam sebuah fatwa yang tidak diwartakan mengesyorkan agar sighah lafaz wakaf menyatakan agar wang yang diwakafkan digunakan untuk membeli harta kekal.

Maka setelah menilai dan meneliti kedua-dua perbincangan fuqaha terdahulu dan fatwa semasa, kami dengan penuh rendah hati menyimpulkan bahawa isu ini adalah salah satu isu khilaf muktabar yang terbuka kepada pintu ijihad dan perbezaan pendapat. Apatah lagi fiqh wakaf amat fleksibel dan dibina untuk memaksimakan maslahah dan manfaat kepada manusia. Kami berpandangan bahawa wang tunai dengan sendirinya boleh dianggap sebagai harta wakaf tanpa perlu menukarkannya kepada harta kekal. Jika wang tersebut digunakan bagi pembelian aset tertentu, aset tersebut boleh dicairkan tanpa perlu mengambil hukum Istibdal dengan syarat jualan aset yang dilakukan mesti memelihara jumlah asal wang yang diwakafkan. Namun begitu segalanya bergantung kepada niat dan model pengurusan yang dicadangkan oleh pewakaf samada ingin menjadikan wang itu sebagai harta wakaf atau aset yang dibeli kemudiannya sebagai harta wakaf. Jika wang tunai itu ingin dijadikan harta wakaf, pewakaf mestilah memastikan agar dana wang tunai itu diurus dengan mekanisma yang boleh mengekalkan jumlah asal wang wakaf tersebut.

5.2.2 Resolusi-Resolusi Semasa Berkaitan Hukum Wakaf Tunai

1. Majlis Akademi Fiqh Islam Antarabangsa dalam mesyuaratnya yang ke-15 pada 2004 di Muscat, Oman memutuskan:
 - i. Wakaf wang tunai adalah dibenarkan dari sudut syarak kerana tujuan utama daripada wakaf untuk mengekalkan harta wakaf dan menyebarkan manfaatnya mampu dicapai dari wang tunai. Ini kerana wang merupakan harta yang tidak dapat dispesifikan dengan pengasingan, لا تعيين بالتعيين ((لا تعيين بالتعيين)), oleh itu sebarang gantian yang menyamai jumlah wang tunai itu adalah sama dengan jumlah wang tunai yang diwakafkan.
 - ii. Harus menggunakan wakaf tunai itu untuk tujuan pemberian Qardh Hassan dan tujuan pelaburan. Pelaburan itu boleh dilakukan samada secara langsung atau dengan perkongsian bersama pewakaf yang lain ataupun dengan menerbitkan saham khas demi menggalakkan usaha wakaf dan penyertaan kolektif terhadapnya.
 - iii. Seandainya wakaf tunai itu dilaburkan dalam harta kekal seperti jika Nazir membeli dengannya hartanah atau wakaf tunai itu dijadikan modal bagi sektor pembinaan, maka aset yang dibeli atau dibina itu tidak akan dianggap sebagai harta wakaf sebaliknya wang tunai dikira sebagai harta wakaf. Bahkan diharuskan untuk aset kekal itu dijual demi tujuan menjamin pelaburan supaya berkekalan dan dalam konteks ini harta wakaf sebenarnya adalah jumlah asal wang tunai yang diwakafkan.

2. AAOIFI (Accounting & Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions) dalam Piawaian Syariah yang ke-33 bernombor 3/4/4/2 menyatakan:

“Wakaf dalam bentuk wang tunai adalah dibenarkan dan pemanfaatannya perlu dilakukan dengan cara yang tidak akan menyebabkan wang itu habis dan kurangan. Antara cara pengendalian yang dibenarkan adalah melalui pemberian pinjaman (Qardh) yang patuh syariah dari tunai tersebut atau menyalurkan wang itu kepada pelaburan yang selamat dan patuh syariah seperti kontrak Mudharabah dan kemudian keuntungannya akan dibahagikan kepada pemanfaat wakaf.”³⁰

3. Majelis Ulama Indonesia (MUI) juga membenarkan wakaf tunai dengan syarat tunai tersebut digunakan dengan cara yang mampu menjamin kekekalan jumlah asal aset wakaf. Mereka menyatakan:

“Nilai pokok Wakaf Uang harus dijamin kelestariannya, tidak boleh dijual, dihibahkan, dan atau diwariskan.”³¹

4. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-77 yang bersidang pada 10 - 12 April 2007 telah membincangkan Hukum Berkaitan Pembangunan Tanah Wakaf Di Bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9) antaranya telah memutuskan bahawa konsep wakaf tunai adalah dibenarkan dalam Syariah.³²

5. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang bersidang pada 5 September 2006 memutuskan bahawa hasil daripada wang Skim Saham Wakaf Selangor hendaklah dibelanjakan bagi tujuan pembelian aset kekal. Manakala wang manfaat wakaf Selangor boleh dibelanjakan untuk memberi bantuan dan perbelanjaan lain yang difikirkan sesuai oleh Majlis Agama Islam Selangor.³³

6. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa yang bersidang 31 Jan 2007 telah membuat keputusan bahawa: Bersetuju dengan perlaksanaan Skim Wakaf Tunai Terengganu dan seterusnya mengesyorkan

- i. Supaya syarat minimum RM 10.00 tidak dikenakan. Ini bermakna mana-mana orang boleh menyumbang seberapa banyak wang untuk disumbangkan kepada Majlis untuk membeli Harta Wakaf.

³⁰ Ma'ayir Syar'iyyah AAOIFI, parameter ke-33, h. 445.

³¹ Fatwa bertarikh 11 Mei 2012, <http://mui.or.id/> diakses pada 13/10/2014.

³² <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-berkaitan-pembangunan-tanah-wakaf-di-bawah-rancangan-malaysia-ke-sembilan-rmk> diakses pada 13/10/2014.

³³ <http://www.wakafselangor.gov.my/index.php/2012-04-27-03-02-07/keputusan-fatwa> diakses pada 13/10/2014.

- ii. Penyertaan wang berjumlah RM 10.00 dan ke bawah darinya dalam Skim ini tidak perlu dikeluarkan sijil.
 - iii. Sighah lafaz dipinda kepada lafaz: Saya mewakilkan kepada MAIDAM untuk mewakafkan mana-mana harta kekal melalui cek/BankDraf/Wang Pos/Tunai di atas nama Skim Wakaf Tunai Terengganu sebanyak RM..... untuk diri saya/ Almarhum/ Almarhumah/..... demi kebajikan dan kepentingan Agama Islam dan umatnya kerana Allah (s.w.t) selama-lamanya.³⁴
7. Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) membenarkan wakaf tunai berdasar keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-77 yang bersidang pada 10 - 12 April 2007.³⁵

5.3 Hukum Penggunaan Wakaf Tunai bagi Bantuan Pelajaran dan Pembiayaan Mikro

Di antara ciri-ciri unik cadangan model wakaf tunai oleh Maybank Islamik adalah penggunaan wang tunai untuk pembiayaan mikro kepada peniaga industri kecil dan sederhana serta pemberian bantuan pelajaran yang menggunakan kontrak Qardh ataupun Tawarruq.

1) Penggunaan wakaf tunai bagi pemberian Qardh

Dua badan autoriti fatwa yang utama dalam bidang kewangan di peringkat antarabangsa iaitu Majma' Fiqh Islami dan AAOIFI telah menetapkan bahawa pemberian pinjaman tanpa riba menggunakan wakaf tunai adalah dibenarkan. Ini kerana pemberian Qardh dianggap tetap memelihara sifat kekal tunai tersebut sebagai aset wakaf.

Perkara ini telah dibincangkan oleh Imam Malik di mana beliau telah ditanya mengenai hukum menggunakan wakaf dinar untuk memberi qardh seperti dinyatakan berikut dalam kitab Al-Mudawwanah:

لَوْ أَنْ رَجُلًا حُبِسَ مَائةً دِينارًا مُوقَوفَةً يَسْلُفُهَا النَّاسُ وَيَرْدُونُهَا عَلَى ذَلِكَ جَعْلَهَا حَبْسًا، هَلْ تَرَى فِيهَا الزَّكَاةَ؟ قَالَ: نَعَمْ أَرِي فِيهَا الزَّكَاةَ

“Seandainya seseorang mewakafkan 100 dinar bagi tujuan memberi pinjaman kepada orang lain kemudian duit itu dibayar semula sebagai wakaf, adakah zakat dikenakan bagi wang itu. Imam Malik menjawab: Ya, Aku berpendapat padanya dikenakan zakat”³⁶

³⁴ <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pelaksanaan-wakaf-skim-tunai-terengganu> diakses pada 13/10/2014.

³⁵ <http://www.e-wakafjohor.gov.my/index.php?option=news&idnews=4> diakses pada 13/10/2014.

³⁶ Al-Madani, Malik Ibn Anas, (1994) Al-Mudawwanah, Beirut, Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah, j. 1 h. 380.

Pengharusan menggunakan wakaf tunai dalam memberi Qardh juga telah diulas oleh Imam Abu Saud Al-Affendi di dalam kitab beliau ‘Risalah Fi Jawaz Waqf An-Nuqud’.. Beliau menyatakan seperti berikut:

لأن رد المثل قائم مقام رد العين حكما

“Dari sudut hukum, membayar semua jumlah wang tunai itu sama seperti memulangkan tunai asal”³⁷

Berdasarkan pandangan yang diutarakan di atas, dapat disimpulkan bahawa fuqaha membenarkan praktis pemberian Qardh dengan menggunakan dana wakaf. Ini kerana dengan cara pemberian Qardh secara tidak langsung nilai asal tunai dapat dipelihara dan tidak berkurangan. Namun, terdapat pertikaian fuqaha terhadap aplikasi pemberian Qardh menggunakan dana wakaf tunai kerana praktis ini secara tidak langsung boleh menyebabkan jumlah tunai yang diwakafkan akan berkurangan dalam kes kemungkinan bayaran semula oleh sebahagian pemanfaat. Pengkaji berpandangan bahawa masalah ini dapat diatasi dengan menyediakan mekanisma penilaian risiko yang mampan serta melakukan pemantauan berkala kepada penerima pinjaman Qardh wakaf. Di samping itu juga, Pengurus dana wakaf tunai juga perlu memastikan bahawa penerima wakaf tidak mempunyai rekod kredit yang buruk dan mempunyai keupayaan untuk membayar balik pinjaman tersebut membayar dalam masa dijanjikan bagi memaksimalkan manfaat wakaf tunai kepada penerima manfaat wakaf lain.

2) Penggunaan Wakaf Tunai bagi Tujuan Akad Tawarruq

Manakala dalam perbincangan hukumpenggunaan wakaf tunai dalam bagi kontrak tawarruq adalah bersamaan dengan hukum penggunaan wakaf tunai bagi tujuan pelaburan. Secara ringkasnya, pelaburan seperti ini dibenarkan dari segi Syarak selagi mana segala penilaian risiko dan kajian pelaburan dilakukan dengan baik dan dapat mengekal dan memelihara jumlah asal wakaf tunai tersebut.

Pendapat ini adalah bertepatan dengan pendapat para fuqaha' yang membenarkan praktis wakaf tunai seperti yang dilaporkan sebagai pendapat Imam Az-Zuhri:

وقال الزهري فيمن جعل ألف دينار في سبيل الله ، ودفعها إلى غلام له تاجر يتجر بها ، وجعل ربحه صدقة للمساكين
والاقربين ، هل للرجل أن يأكل من ربح تلك الألف شيئا ، وإن لم يكن جعل ربحها صدقة في المساكين ، قال " ليس له أن
يأكل منها"

“Imam Az-Zuhri ditanya tentang persoalan seseorang yang menyerahkan 1000 dinar kepada seorang pemuda dengan tujuan dilaburkan dalam perniagaan dan keuntungannya akan dijadikan

³⁷ Al-Afandi, Abu As-Saud Muhammad Ibn Muhammad Ibn Mustofa, (1997) Risalah Fi Jawaz Waqf An-Nuqud, Beirut, Dar Ibn Hazzam, h.74.

*sedekah buat orang miskin dan kaum kerabatnya; adakah dengan ini dia boleh memanfaatkan sedikit dari keuntungan 1000 dinar itu dan tidak menyalurkan keuntungan itu kepada golongan miskin? Imam Zuhri menjawab: Belia tidak boleh memakan harta tersebut”*³⁸

Berdasarkan perbincangan di atas, bolehlah kita menyimpulkan bahawa tidak menjadi masalah bagi pewakaf untuk menyediakan bantuan pelajaran dan pembiayaan mikro menggunakan kontrak Qardh dan Tawarruq kerana kedua-dua kontrak ini menepati tujuan untuk mengekalkan wakaf tunai tersebut. Walaubagaimanapun, cara terbaik untuk memastikan pengekalan jumlah asal wakaf tunai, dana yang digunakan untuk tujuan pemberian pinjaman qardh dan pembiayaan tawarruq ini boleh disalur daripada hasil keuntungan pelaburan wakaf tunai dan bukan dari jumlah asal wakaf tunai (wang pokok).

5.4 Hukum Pelaburan Harta Wakaf dari Perspektif Syariah

Salah sebuah aplikasi penggunaan wakaf tunai yang turut dibincangkan oleh para fuqaha' adalah pelaburan wakaf tunai. Menurut para fuqaha', wakaf tunai boleh dilaburkan dalam pelaburan yang boleh memelihara jumlah asal tunai yang diwakafkan dan mampu mengembangkan wakaf tunai tersebut.

Keharusan menggunakan wakaf tunai untuk tujuan pelaburan seperti ini boleh dirujuk daripada jawapan Imam Az-Zuhri seperti dinyatakan di bawah:

وَقَالَ الزَّهْرِيُّ فَيْمَنْ جَعَلَ أَلْفَ دِينَارٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ، وَدَفَعَهَا إِلَى غَلَامٍ لَهُ تَاجِرٌ يَتَجَرُّ بِهَا ، وَجَعَلَ رَبَّهُ صَدَقَةً لِلْمَسَاكِينِ
وَالْأَقْرَبِينَ ، هَلْ لِرَجُلٍ أَنْ يَأْكُلَ مِنْ رَبْحِ تِلْكَ الْأَلْفِ شَيْئاً ، وَإِنْ لَمْ يَكُنْ جَعَلَ رَبَّهَا صَدَقَةً فِي الْمَسَاكِينِ ، قَالَ ”لَيْسَ لَهُ أَنْ
يَأْكُلَ مِنْهَا“

*“Imam Az-Zuhri ditanya tentang persoalan seseorang yang menyerahkan 1000 dinar kepada seorang pemuda agar dengan tujuan dilaburkan dalam perniagaan dan keuntungannya akan dijadikan sedekah buat orang miskin dan kaum kerabatnya; adakah dengan ini dia boleh memanfaatkan sedikit dari keuntungan 1000 dinar itu dan tidak menyalurkan keuntungan itu kepada golongan miskin? Imam Zuhri menjawab: Beliau tidak boleh memakan harta tersebut”*³⁹

Imam Muhammad bin Abdullah Al-Ansari daripada Mazhab Hanafi juga mengharuskan pelaburan wakaf tunai sepertimana dinyatakan di bawah:

يَدْفَعُهَا مَضَارِيَّةً وَيَتَصَدِّقُ بِالْبَاقِي

*“Wakaf tunai boleh dilaburkan secara Mudharabah dan keuntungan dari Wakaf tunai itu kemudiannya boleh disedekahkan”*⁴⁰

³⁸ Diriwayatkan di dalam Sahih Bukhari, pada Kitab Wasaya ,bab “Waqf Ad-Dawwab Wa Al-Kura’ Wa Al-‘Urudh Wa As-Somit”.

³⁹ Ibid.

⁴⁰ Al-Kamal Ibn Al-Humam, Syarh Fath Al-Qadir, Beirut, Dar Al-Fikr, v. 6 h. 218.

Namun begitu, persoalan yang mungkin timbul daripada praktis pelaburan wakaf tunai ini, adakah hasil keuntungan wakaf tunai boleh diwakafkan semula, atau dijadikan pusingan modal atau mesti dibahagikan secara terus kepada penerima manfaat wakaf.

Isu Penggunaan Untung (ربح) daripada harta wakaf Bagi Tujuan Pelaburan Semula

Berkaitan dengan isu ini, sepetimana pewakaf boleh meletakkan syarat tertentu bagi cara penggunaan harta wakaf dan pembahagian keuntungannya, maka pihak pewakaf juga boleh mensyaratkan agar sebahagian keuntungan hasil pelaburan wakaf tunai digunakan bagi tujuan pelaburan semula. Ini adalah selari dengan pandangan Majlis Akademi Fiqh Islam Antarabangsa dalam resolusi yang ke-140 memutuskan:

يُعمل بشرط الواقف إذا اشترط تنمية أصل الوقف بجزء من ريعه، ولا يعَد ذلك منافياً لمقتضى الوقف، ويُعمل بشرطه

كذلك إذا اشترط صرف جميع الريع في مصارفه، فلا يؤخذ منه شيء لتنمية الأصل

*“Syarat pewakaf mesti dipatuhi jika mereka mensyaratkan agar sebahagian keuntungan dari pelaburan harta wakaf diguna sebagai pusingan modal (pelaburan semula) bagi mengembangkan harta asal wakaf. Syarat ini tidak dikira sebagai menyalahi syarat asas wakaf. Begitu juga mesti dipatuhi jika pewakaf mensyaratkan agar seluruh keuntungan diagihkan kepada penerima manfaat dan dengan ini tidak boleh diambil walau sedikit pun daripada keuntungan tersebut demi mengembangkan harta asal wakaf”.*⁴¹

Isu Penggunaan Lebihan Untung (فائض) daripada harta wakaf Bagi Tujuan Pelaburan Semula

Namun begitu, terdapat satu isu di mana sekiranya setelah keuntungan atau perkembangan sesuatu harta wakaf telah digunakan bagi tujuan menanggung segala kos pengurusan harta wakaf, dibahagikan kepada seluruh penerima manfaat yang ditetapkan dan masih terdapat lebihan daripada keuntungan (فائض) tersebut. disimpan sebahagiannya bagi pusingan modal, apakah yang patut dilakukan seandainya ada lagi lebihan untung yang tinggal?

Secara asasnya, hukum asal bagi lebihan keuntungan pelaburan wakaf perlu dibahagikan kepada penerima manfaat wakaf lain sesuai dengan wasiat pewakaf. Jika penerima manfaat wakaf yang ditetapkan adalah kepada anak yatim, maka lebihan untung perlulah diagihkan kepada anak yatim yang lain. Ibn Taimiyyah membincangkan hal ini dalam konteks wakaf tanah Masjid seperti dinyatakan di bawah;

⁴¹ <http://www.fiqhacademy.org.sa/qrarat/15-6.htm>.

وأما ما فضل من الريع عن المصارف المشروطة و مصارف المساجد ينصرف في جنس ذلك مثل عمارة مسجد آخر و مصالحها و إلى جنس المصالح ولا يجبي المال أبدا لغير علة محدودة

“Lebihan keuntungan wakaf setelah diberikan kepada penerima manfaat wakaf dan menanggung kos penyelenggaraan masjid, ianya perlulah disalurkan kepada tujuan manfaat yang sama seperti pengimaranan masjid lain ataupun segala tujuan manfaat yang sama. Lebihan harta itu tidak sepatutnya disimpan tanpa sebarang sebab yang telah ditentukan.”⁴²

Walau bagaimanapun, menurut Imam Khatib Al-Sharbini dari Mazhab Syafie, adalah diharuskan untuk lebihan keuntungan itu untuk disimpan dalam sebuah dana penyelenggaraan atau dalam kes wakaf tunai dalam bentuk pusingan modal. Lebihan keuntungan ini juga boleh dianggap sebagai harta wakaf yang baru.

ويذكر من زائد غلة المسجد على ما يحتاج إليه ما يعمره بتقديره هدمه و يشتري له بالباقي عقارا و يقفه لأنه أحفظ

له

“Lebihan keuntungan dari wakaf masjid boleh disimpan untuk kos penyelenggaran pada masa hadapan dan kemudian digunakan untuk membeli harta tanah baru dan diwakafkan kerana itu merupakan praktis terbaik untuk harta tersebut.”⁴³

Pendapat ini juga disokong oleh resolusi dari Majma' Fiqh Islami pada tahun 2004 yang antara lainnya menyatakan:

يجوز استثمار الفائض من الريع في تنمية الأصل أو في تنمية الريع، وذلك بعد توزيع الريع على المستحقين وحسب النفقات والمحصصات، كما يجوز استثمار الأموال المتجمعة من الريع التي تأخر صرفها

“Adalah diharuskan untuk melaburkan lebihan untung harta wakaf untuk digunakan bagi tujuan mengembangkan harta pokok wakaf ataupun meningkatkan keuntungan. Ini boleh dilakukan setelah manfaat wakaf itu diagihkan kepada penerima manfaat yang telah ditetapkan dan ditolak dari segala kos penyelenggaraan harta wakaf tersebut. Begitu juga harus untuk keuntungan wakaf yang dibahagikan kemudian untuk dilaburkan dalam pelaburan yang ditentukan.”⁴⁴

Berdasarkan perbincangan di atas, adalah diharuskan untuk bagi pewakaf untuk mensyaratkan bagi harta pokok wakaf, keuntungan dan lebihan untung yang terhasil untuk disalurkan sebagai dana pelaburan demi tujuan mengekalkan jumlah asal harta wakaf tersebut dan memaksimakan

⁴² Ibn Taimiyah, Taqiyuddin Abu Al-Abbas Ahmad Ibn Abdul Halim, (1987) Majmu' Al-Fatawa, Beirut, Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah, j. 4 h. 288.

⁴³ Ash-Sharbini, Muhammad Ibn Ahmad Al-Khatib, (1994) Mughni Al-Muhtaj, Beirut, Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah, j.2, h.392.

⁴⁴ Majma' Fiqh, Resolution no. 140, 15th meeting on 2004.

perkembangannya. Walaubagaimanapun, ia mesti diurus dengan tatakelola yang menepati syarat-syarat pengurusan harta wakaf dengan mengekalkan harta pokoknya. Pewakaf juga boleh mensyaratkan agar seluruh atau sebahagian keuntungan atau lebih untung yang terhasil dimanfaatkan oleh pemanfaat wakaf seperti yang tertera pada surat ikatan wakaf.

Demi tujuan ini, pewakaf perlu dengan jelas menerangkannya di dalam surat ikatan tersebut dan segala syarat pewakaf wajib dipatuhi. Ini berdasarkan sebuah kaedah fiqh yang dinyatakan oleh Ibn Nujaim:

شرط الواقف كنص الشارع

“Syarat pewakaf adalah umpama nas dari Tuhan”⁴⁵

5.5 Hukum Penentuan Kos Pengurusan Harta Wakaf

Kebiasaannya, seorang pengurus atau nazir akan dilantik bagi menyelia dan menguruskan sesebuah harta wakaf. Dalam menjalankan amalan pengurusan terbaik bagi harta wakaf, ini akan melibatkan pelbagai kos yang akan ditanggung seperti gaji nazir, kos penyelenggaraan dan segala macam kos yang berkaitan dengan pengurusan harta wakaf. Dalam isu ini, timbul satu persoalan fiqh iaitu siapakah yang bertanggungjawab untuk menanggung segala kos pentadbiran dan penyelenggaraan yang berkaitan harta wakaf.

Menurut Khatib As-Sharbini, segala kos wakaf boleh ditanggung daripada samaada oleh pewakaf sendiri, atau dari harta wakaf tersebut ataupun dari hasil keuntungannya.

نفقة الموقوف و مؤن تجهيزه من حيث شرطها الواقف من ماله أو من مال الوقف وإلا فمن منافع الموقوف

“Kos penyelenggaraan harta wakaf boleh ditanggung seperti mana disyaratkan oleh pewakaf samada daripada harta pewakaf sendiri, atau diambil dari harta wakaf atau diambil dari keuntungan harta wakaf tersebut”⁴⁶

Berdasarkan teks di atas, pewakaf boleh menentukan dari awal dari mana kos pengurusan harta wakaf perlu diambil daripada tiga sumber itu di dalam Surat Ikatan Amanah (Trust Deed) yang disyaratkan oleh pewakaf. Syarat ini wajib dipatuhi seperti yang disimpulkan dalam kaedah fiqh:

شرط الواقف كنص الشارع

⁴⁵ Ibn Nujaim, Zainuddin Ibn Ibrahim Ibn Muhammad, (1999) Al-Asybah Wa An-Nazair, Beirut, Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah, jilid. 1, h. 163.

⁴⁶ Ash-Sharbini, Muhammad Ibn Ahmad Al-Khatib, (1994) Mughni Al-Muhtaj, Beirut, Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah, j. 4, h. 137

““Syarat pewakaf adalah umpama nas dari Tuhan””⁴⁷

Namun begitu, jika berlaku kekurangan untung untuk menaggung kos pengurusan wakaf, kos boleh itu juga boleh diambil dari harta pokok wakaf dalam bentuk Qardh. Bayaran semula Qardh ini akan diambil oleh keuntungan akan datang.

6.0 Kesimpulan dan Cadangan

Berdasarkan segala perbincangan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan wakaf, kami menyimpulkan bahawa wakaf tunai adalah dibenarkan dari segi Syariah dan mencadangkan yang berikut sebagai garis panduan Syariah bagi perlaksanaan wakaf tunai Maybank Islamik:

1. Wang tunai adalah dibenarkan untuk tujuan wakaf dan wang tersebut juga dianggap sebagai harta wakaf.
2. Nilai asal wang yang diwakafkan hendaklah sentiasa dipelihara sifat kekalnya.
3. Sebarang aset yang dibeli dengan menggunakan wakaf tunai tidak akan dikira sebagai harta wakaf kecuali pewakaf bersetuju sebaliknya. Pewakaf boleh sajáha bila perlu mencairkan aset tersebut pada bila-bila masa dengan syarat untuk memelihara nilai wang pokok yang diwakafkan.
4. Jika wang tunai yang diwakafkan diguna untuk membeli atau membina lebih dari satu aset (bentuk portfolio pelbagai aset), maka pencairan mana-mana aset hendaklah tidak mengurangkan nilai keseluruhan portfolio aset itu dari jumlah asal tunai yang diwakafkan. Dalam mana-mana proses pencairan, hukum Istibdal tidak perlu diaplikasikan.
5. Jumlah asal wang tunai yang diwakafkan hendaklah digunakan dan dikendalikan dalam instrument patuh Syariah yang boleh memelihara jumlah asalnya sebagai contoh disalurkan dalam pelaburan berisiko rendah seperti Sukuk dan produk deposit.
6. Jumlah asal wakaf tunai juga boleh digunakan bagi tujuan pemberian Qardh dan pembiayaan mikro. Namun begitu, praktis terbaik adalah dana bagi kedua-dua jenis bantuan ini diambil daripada hasil untung wakaf tunai selepas pelaburan bagi mengawal risiko kemungkiran bayaran semula oleh penerima manfaat wakaf tunai.
7. Pelaburan wakaf tunai hendaklah dikendalikan dan digunakan dalam aktiviti patuh Syariah.
8. Secara asasnya, perkembangan atau untung yang terhasil dari wakaf tunai tidak dianggap sebagai harta wakaf. Namun pewakaf boleh menetapkan dari awal bahawa sebarang untung

⁴⁷ Ibn Nujaim, Zainuddin Ibn Ibrahim Ibn Muhammad, (1999) Al-Asybah Wa An-Nazair, Beirut, Dar Al-Kutub Al-‘Ilmiyyah, j. 1,h. 163.

dari wakaf tunai itu dikira sebagai sebahagian harta wakaf. Jika ini disyaratkan, sebarang keuntungan dari pelaburan wakaf tunai hendaklah mematuhi syarat-syarat aset wakaf.

9. Hasil keuntungan wakaf tunai boleh digunakan untuk memberi sumbangan (derma) kepada penerima manfaat wakaf seperti pemberian biasiswa kepada pelajar dan bantuan kepada orang miskin.
10. Hasil keuntungan wakaf tunai juga boleh digunakan untuk dilaburkan semula supaya dapat memaksimumkan nilai pokok dan keuntungan pelaburan wakaf tunai.
11. Pewakaf boleh mensyaratkan kos pengurusan yang munasabah agar ditanggung samada oleh pewakaf, atau wang pokok wakaf ataupun daripada keuntungan wakaf tunai. Jika tiada sebarang syarat yang menentukannya, kos pengurusan wakaf tunai akan diambil dari hasil keuntungan atau perkembangan wakaf tunai tersebut.
12. Praktis terbaik sekiranya dalam kes keuntungan wakaf tunai tidak dapat menampung kos pengurusan harta wakaf, kos tersebut ditanggung oleh jumlah asal wakaf tunai dalam bentuk Qardh. Pinjaman dari wang pokok ini akan dibayar semula oleh keuntungan wakaf tunai pada masa hadapan.